

ALOR GAJAH, 7 MEI (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED, BERKATA HARI INI PENGETAHUAN MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU HENDAKLAH DI TANAM DALAM JIWA MURID-MURID.

INI PERLU SUPAYA USAHA-USAHA KERAJAAN TIDAK MENIMBULKAN PERASANGKA DI KALANGAN KAUM MALAH MENGUJUDKAN SEMANGAT TOLAK ANSUR ANTARA SATU SAMA LAIN, KATANYA KETIKA MERASMIKAN BANGUNAN TAMBAHAN SEKOLAH KEBANGSAAN PAGOH DI SINI.

BELIAU MENJELASKAN, PADA MASA INI 60 PERATUS EKONOMI NEGARA ADALAH DI TANGAN PEMODAL ASING, 35 PERATUS DI TANGAN BUKAN BUMIPUTRA SEMENTARA KIRA-KIRA LIMA PERATUS SAHAJA DITANGAW BUMIPUTRA.

KATANYA, MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU IALAH MENUJUDKAN 30 PERATUS UNTUK BUMIPUTRA, 40 PERATUS UNTUK BUKAN BUMIPUTRA DAN 30 PERATUS UNTUK PEMODAL ASING.

+DALAM HAL INI KAUM BUMIPUTRA TERPAKSA BERUSAHA Mencari 25 PERATUS LAGI UNTUK MENCAPAI MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU, SEMENTARA BUKAN BUMIPUTRA CUMA LIMA PERATUS SAHAJA. + KATANYA,

BELIAU MENERANGKAN JIKA TIDAK DIJALANKAN SATU-SATU USAHA YANG BETUL BERSUNGGUH-SUNGGUH TERHADAP PENGELIBATAN BUMIPUTRA DALAM BIDANG EKONOMI, JURANG PERBEZAAN INI AKAN MEMBESAR. --BERSAMBUNG 1210/MM

513:
MAHATHIR 2 ALOR GAJAH

+JIKA KEADAAN INI TERJADI PERPADUAN RAKYAT AKAN TERGUGAT DAN KUCAR KACIR AKAN BERLAKU.

+UNTOK MENJAGA KEHARMONIAN HIDUP RAKYAT, DAN JUGA MENENTUKAN NEGARA BOLEH HIDUP DENGAN AMAN DAMAI, KERAJAAN TERPAKSA Mencari JALAN AGAR JURANG PERBEZAAN INI DI PERKECILKAN SEHINGGA DASAR EKONOMI BARU TERCAPI. +

PENGETAHUAN INILAH YANG MESTI DITANAM DI JIWA MURID-MURID DARI BANGKU SEKOLAH LAGI SUPAYA TIDAK UJUD PERASANGKA DI KALANGAN KAUM-KAUM MALAH MENGUJUDKAN SEMANGAT TOLAK ANSUR.

SEPERKARA LAGI IALAH TENTANG PENGAMBILAN MURID-MURID UNTUK TINGKATAN ENAM YANG KELULUSAN BUKAN BUMIPUTRA DIKEHENDAKI LEBIH BAIK DARI BUMIPUTRA.

PERBEZAAN INI BERLAKU KERANA KEBANYAKAN MURID BUMIPUTRA ADALAH DATANG DARI SEKOLAH-SEKOLAH LUARBANDAR YANG KEMUDAHAN DAN KELENGKAPAN ADALAH JAUH LEBIH MUNDUR DARI SEKOLAH DI DALAM BANDAR. INI MENYEBABKAN PENCAPAIAN KELULUSAN MEREKA TIDAK SEBAIK MURID BUKAN BUMIPUTRA DI SEKOLAH BANDAR.

LEBIH RAMAI MURID BUMIPUTRA DIAMBIL ADALAH SEBAHAGIAN DARI USAHA KERAJAAN UNTUK MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT DAN MEMBASMI KEMISKINAN. --BERSAMBUNG 1215/MM

514:
MAHATHIR 3 ALOR GAJAH

GURU-GURU PATUT MENJELASKAN PERKARA-PERKARA BEGINI MELALUI PELAJARAN SIBIK SUPAYA TIDAK TIMBUL TAFSIRAN ATAU ANGGAPAN YANG SALAH DAN MENYELEWENG MENGENAI RANCANGAN-RANCANGAN KERAJAAN.

DR. MAHATHIR BERKATA, MELALUI PELAJARAN TERSEBUT JUGA DAPAT DIAJAR KONSEP DEMOKRASI, KERAJAAN BERPELEMBAGAAN, TUGAS DAN TANGGUNG JAWAB WARGANEGARA, TAFSIRAN RUKUNEGARA DAN DASAR RANCANGAN MALAYSIA.

TERDAHULU DARI ITU, KETUA MENTERI MELAKA, HAJI ABDUL GHANI ALI, BERKATA, TANGGUNGJAWAB MELAKSANAKAN DASAR PELAJARAN DAN PENDIDIKAN KANAK-KANAK ADALAH TANGGUNGJAWAB SEMUA PEHAK TERUTAMA IBUBAPA DAN GURU.

BELIAU MEMBERITAHU, SEKOLAH MENENGAH SAINS DI AYER KROH BERTERANGA \$3.5 JUTA TELAH SIAP TERMASUK SEBUAH ASRAMA UNTUK 600 MURID. --BERNAMA 1220/MM